

Makalah

WADAH SIARAN PUSAT ISLAM UMK

Edisi 7



Misi Bantuan Banjir Pantai Timur UMK, UTM & USM

Artikel menarik

Celik Kewangan :
Pendekatan Kepada Asnaf
Dalam Merancang Dan
Menguruskan Kewangan

Berita Pusat Islam

- Seminar
- Profesionalisme
- Wanita Muda
- Haji Muda 2.0
- Kursus Sembelihan
- Program Kerja Till
Jannah Perdana
- Ihya' Ramadan

ISSN 2682-7603



9 772682 760008

Sidang Editorial

Penasihat 1

Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak

Penasihat 2

Dr. Nur Farahiah binti Azmi

Ketua Editor

Ainul Kauthar binti Karim

Sidang Editor

Dr. Hazriah Hasan

Wan Mohd Amir bin Yusoff

Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz

Sidang Editor Bersekutu

Muhd Khalid El-Muhammady

bin Muhd Uthman El-Muhammady

Mohd Binyamin bin Che Yaacob

Nor Zakwan bin Che Musa

Muhammad Husni bin Kamaruddin

Nik Mohd Idham Shah bin Nik Mohamed

Norma binti Abdullah

Intan Naquiah binti Abdul Rahim

Rekaan

Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz

Fotografi

Khairudin bin Mat Lazim

Percetakan dan Edaran

Wan Mohd Amir bin Yusoff

Sebarang cadangan atau pandangan berkenaan Makalah ini, boleh berhubung :

EDITOR MAKALAH

Pusat Islam UMK

Tel : 09-7797474

Emel : pusatislam@umk.edu.my

Facebook : PUSAT ISLAM UMK



Kalam Pengaruh Pusat Islam

Prof. Madya Dr. Mohd Zain Bin Mubarak

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat, taufik dan hidayahNya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembawa rahmat ke seluruh alam, seterusnya kepada kaum keluarga serta para sahabat Baginda.

Pertamanya saya bersyukur kerana penerbitan Makalah Edisi Ke-7 ini dapat disempurnakan bagi meneruskan legasi informasi dan perkongsian ilmu melalui tinta warga Pusat Islam.

Makalah Edisi Ke-7 ini memaparkan beberapa ruangan merangkumi aktiviti-aktiviti, berita, artikel memperlihatkan peranan dan fungsi Pusat Islam khususnya dalam konteks pembangunan kerohanian, keilmuan dan kebajikan bagi bersama-sama memacu kecemerlangan Universiti melibatkan pelajar, staf dan juga komuniti.

Tahun 2022 merupakan tahun ketiga kita mengharungi kehidupan dalam suasana norma baharu yang menuntut perubahan dan penyesuaian dalam banyak aspek kehidupan. Perjuangan dakwah dan gerakan islah perlu diteruskan. Pusat Islam tidak terkecuali dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti agar terus relevan dengan keperluan serta keadaan semasa yang berlaku walaupun dalam keterbatasan dan kekangan yang dihadapi. Kreativiti dan inovasi menjadi elemen penting dalam melaksanakan apa jua tanggungjawab. Apa yang pasti norma baharu semakin serasi dan tidak menghalang segala usaha yang dirancang. Meskipun wujud hambatan dan kekurangan tertentu namun telah memberi pengajaran untuk terus membuat penambahbaikan agar terus relevan dalam arus perdana yang berkembang.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada sidang editorial yang bertungkus lumus menyiapkan Makalah Edisi Ke-7 ini, mudah-mudahan segala usaha yang dicurahkan dapat dimanfaatkan oleh pembaca dan mendapat keberkatan dari Allah SWT.

Sekian, wasalam.

Prof. Madya Dr. Mohd Zain Bin Mubarak

Jinta

Ketua Editor



Ustazah Ainul Kauthar binti Karim

Alhamdulillah dengan rahmat dan izin Allah S.W.T, Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sekali lagi dapat menerbitkan Makalah bagi Edisi ke-7 (Januari-Disember 2022).

Makalah keluaran kali ini menyajikan pelbagai maklumat berkaitan info dan program-program yang telah dianjurkan oleh Pusat Islam UMK bagi bulan Januari hingga Disember 2022. Di samping itu, makalah ini juga diisi dengan tiga artikel ilmiah yang menyentuh berkaitan dengan Refleksi Covid-19, Waqaf sebagai Medium untuk Memerangi Ketidaksamaan dan Melancarkan Pembangunan Ekonomi Pasca Pandemik Covid-19 serta Celik Kewangan: Pendekatan kepada Asnaf dalam Merancang dan Menguruskan Kewangan.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada sidang editorial Pusat Islam khususnya dan semua staf Pusat Islam UMK amnya yang telah banyak membantu dalam proses menerbitkan makalah kali ini.

Akhir kalam, semoga makalah ini dapat dijadikan salah satu bukti usaha dan kejayaan Pusat Islam UMK dalam melaksanakan program-program pembangunan insan dan kerohanian, kebajikan serta kemasyarakatan kepada staf, pelajar dan komuniti setempat sepanjang tahun 2022. Saya mewakili Pusat Islam UMK mengalu-alukan sebarang cadangan untuk penambahbaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kami. Semoga segala sumbangan yang diberikan samada secara langsung atau tidak langsung akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Sekian, wasalam.

Ainul Kauthar Karim

Isi Kandungan

SINERGI MISI BANTUAN PASCA BANJIR PANTAI TIMUR UMK-USM-UTM	4
REFLEKSI COVID-19	6
FASTABIQUL KHAIRAT	9
BULAN WAKAF MAIK	10
PROGRAM KERJA TILL JANNAH PERDANA	12
HAJI MUDA 2.0	13
CELIK KEWANGAN	14
SEMINAR PROFESIONALISME WANITA MUDA	16
PROGRAM MARHABAN YA RAMADAN	17
PROGRAM IHYA' RAMADAN	18
KURSUS SEMBELIHAN MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM	21
PROGRAM ISRAK MIKRAJ	22
PROGRAM KULIAH FIQH WANITA	22
WAKAF SEBAGAI MEDIUM UNTUK MEMERANGI KETIDAKSAMAAN & MELANCARKAN PEMBANGUNAN EKONOMI PASCA COVID-19	23
WACANA KEMERDEKAAN NEGARA	26
PROGRAM GEMA YASIN	26
BACK TO BASIC : ASAS PEMANTAPAN SOLAT	27
DISKUSI INTELEK WAKAF PENDIDIKAN MAIK-UMK	27
PROGRAM KELUARGAKU SYURGAKU	28
FORUM MAULIDUR RASUL SAW	29
PROGRAM SISTERS CIRCLE	29
SAMBUTAN MAAL HIJRAH	30
MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KOMPUTER RIBA SUMBANGAN WIFIX SDN. BHD.	30
SEMINAR PEMBANGUNAN MAHASISWA HOLISTIK & MESYUARAT AGUNG JAHEIS	31
CERAMAH PENGURUSAN STRESS DI TEMPAT KERJA	32
KENALI STAF	32
STAF BAHARU @PIUMK	33
SELAMAT MAJU JAYA DR. ASMA LAILEE	33
PENERIMAAN APC 2021	34
PELAJAR PRAKTIKUM PUSAT ISLAM	34
ZIARAH PRIHATIN PELAJAR UMK	35
ZIARAH KEMATIAN PELAJAR UMK	35
PROGRAM ZIARAH MAHABBAH ASNAF NEGERI JOHOR	36
WARGA UMK BERBUKA PUASA DENGAN PEMIMPIN MASYARAKAT	37
PIUMK @MEDIA	38
BERITA STAF	39



SINERGI MISI BANTUAN PASCA BANJIR PANTAI TIMUR UMK-USM-UTM

Pada 10 Mac 2023, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Islam UMK dengan kerjasama Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah bersama-sama turun padang bagi menjayakan Misi Bantuan Banjir Pantai Timur di Rantau Panjang, Kelantan.

Misi bantuan ini dimulakan dengan penyampaian barangan keperluan dapur kepada 400 penduduk kampung di Kampung Pusu Sireh, Kampung Gual Tok Deh, Kampung Banggol Kulim, Kampung Padang Bukit, Kampung Gual Nibong, Kampung Kubang Rambutan, Kampung Kok Batu dan Kampung Kubang Tersang.

Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Mohd Zain Mubarak berkata, selain barang keperluan turut diagihkan telekung solat, sejadah, kain pelikat, baju, tilam bantal dan Al-Quran kepada keluarga yang terjejas berikutan banjir pada Februari lalu.



"Alhamdulillah, program hari ini berjaya mencapai objektifnya dan diharap dengan sumbangan ini dapat meringankan beban mangsa yang terkesan banjir kerana kebanyakan kediaman mereka ditenggelami air serta banyak barang berharga musnah dan rosak akibat ditenggelami air.

"Sumbangan ini juga tertumpu kepada sebahagian penduduk yang masih belum menerima sebarang bantuan banjir kerana lokasi mereka yang agak jauh dan kebanyakan mereka terputus hubungan.

"Kita juga mensasarkan kepada mangsa-mangsa yang betul terkesan dan terjejas teruk berikutan banjir yang melibatkan masyarakat sekitar Rantau Panjang termasuk staf UMK," katanya pada Misi Bantuan Banjir Pantai Timur 2022 Sinergi Pusat Islam UMK-USM-UTM di Masjid (Surau) Raudhatul Quran, Lubuk Setol, Rantau Panjang.

Turut hadir, Ketua Unit Zakat dan Kebajikan Pusat Islam USM, En. Asheef Barkhia Yahya dan Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UTM, Pn. Rahmawatulhusna Sokhipul Hadi.



REFLEKSI COVID-19

Oleh : Mohd Zain Mubarak

ISLAM sebagai suatu cara hidup merupakan ajaran sempurna dan petunjuk yang lengkap merangkumi seluruh aspek kejadian alam, termasuk makhluk manusia bermula daripada kehidupan dunia yang sementara sehingga kehidupan akhirat yang kekal abadi. Justeru, menjadi tanda kebesaran Allah SWT yang Maha Bijaksana dan Maha Adil dengan menetapkan peraturan kepada manusia melalui perlembagaan dan undang-undang yang menjadi petunjuk dan sempadan sepanjang perjalanan hidup bagi mengawal kejadian alam agar mengikut peranan dan fitrah masing-masing.

Sekiranya manusia yang berakal dan berilmu itu patuh kepada petunjuk, sempadan dan ketetapan daripada Allah Pencipta Alam, nescaya akan memberikan keadaan yang lebih baik kepada mereka, alam sekeliling dan makhluk lain. Syaratnya ialah manusia mesti berperanan mengikut hikmah yang menjadi ketetapan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 155-157 yang bermaksud;

“Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. (Iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.” Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Tuhan mereka dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk”

Maka di sebalik setiap bencana dan musibah yang berlaku, manusia perlu bermuhasabah terhadap tindakan mereka sendiri, apabila mereka rakus mengikut hawa nafsu sehingga melanggar sempadan ketetapan Allah SWT.

Perbuatan yang mempunyai agenda bersifat peribadi dan kepentingan tertentu menyebabkan kerosakan diri mereka dan bumi tempat mereka berpijak dan segala makhluk yang hidup padanya. Islam mengajar penganutnya supaya melakukan muhasabah diri, keluarga dan masyarakat supaya kembali kepada Allah SWT dengan bertaubat dan melakukan islah (pembaikan) dalam segenap aspek kehidupan. Dalam masa yang sama, manusia dituntut mencari jalan dengan menggunakan akal, ilmu dan pengalaman yang dikurniakan oleh Allah SWT, supaya kita mendapat mengharungi ujianNya dengan pendekatan yang terbaik dan harmonis.

Islam ada petunjuk sendiri dalam menghadapi wabak, contohnya wabak taun dan wabak lain seperti COVID-19 yang melanda hari ini. Pendekatan Islam dalam menghadapi wabak melalui proses mencegah dan merawat dengan berkerjasama dan tolong-menolong yang termasuk dalam perkara kebajikan yang diberikan pahala. Ini berpandukan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah ayat kedua yang bermaksud;

“Tolong-menolong dalam perkara kebajikan dan taqwa, jangan bertolong-menolong dalam perkara dosa dan permusuhan.”

Pencegahan dan rawatan bagi menghadapi pandemik COVID-19 yang masih menghantui seluruh masyarakat dunia ini telah dilaksanakan oleh kerajaan dan pelbagai agensi berkaitan memerlukan kefahaman serta kerjasama sepenuhnya oleh setiap lapis masyarakat. Pendekatan Islam dalam hal ini jelas melalui nas al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW yang akan dinyatakan selepas ini.

Pencegahan dan Rawatan

Pertama: Membatasi pergerakan supaya menghalang daripada merebak.

Mereka yang berada dalam Kawasan wabak ditahan daripada keluar. Mereka yang berada di luar kawasan tidak dibenarkan masuk. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Apabila kamu mendengar berita berlakunya wabak, jangan kamu pergi ke negeri itu dan apabila kamu berada di kawasan wabak jangan kamu bergegas keluar daripadanya.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

“Apabila kamu mendengar berita berlakunya wabak, jangan kamu pergi ke negeri itu dan apabila kamu berada di kawasan wabak jangan kamu bergegas keluar daripadanya.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Kedua: Beriman kepada qada' dan qadar dengan penuh kesabaran setelah berikhtiar.

Allah SWT menceritakan perihal kaum Yahudi yang tidak bersabar menghadapi ujian wabak, lalu melanggar petunjuk Allah SWT yang melarang mereka daripada keluar. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 243 yang bermaksud;

“Apakah kamu tidak memperhatikan orang-orang yang keluar dari kampung halaman mereka, sedang mereka beribu-ribu (jumlahnya) kerana takutkan mati; maka Allah berfirman kepada mereka: “Matilah kamu”, kemudian Allah menghidupkan mereka. Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia terhadap manusia tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur .

Rasulullah SAW menasihati umatnya sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud:

“Wabak adalah azab yang diturunkan oleh Allah SWT kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah menjadikannya sebagai rahmat kepada orang-orang yang beriman (supaya sedar dan bertaubat). Tiadalah seseorang yang berada dalam keadaan berlakunya wabak, lalu dia bersabar dan percaya kepada Allah bahawa musibah itu diketahuinya adalah ketentuan Allah melainkan diberikan kepadanya kelebihan syahid.” [Riwayat Bukhari]

Ketiga: Pelbagai cara dan pendekatan melawan penyakit/wabak

Tamadun Islam telah banyak menyumbang kepada sains teknologi pada abad ke 14 sehingga ke 18 melalui penciptaan dalam pelbagai bidang termasuklah ilmu perubatan. Selain tokoh-tokoh seperti Ibnu Sina, al-Biruni, al-Razi dan sebagainya, keilmuan dan pendekatan Rasulullah SAW dalam aspek kesihatan dan perubatan telah terserlah melalui hadis-hadis yang menjelaskan beberapa perkara berkaitan seperti berikut;

a. Berlakunya jangkitan (infection) penyakit adalah diakui oleh Rasulullah SAW. Baginda menyeru umatnya agar berhati-hati ketika bermuamalat dengan pesakit yang membawa penyakit yang boleh berjangkit. Malah terdapat sabda Baginda SAW yang tegas berkaitan hal ini bermaksud;

“Larilah dari orang yang berpenyakit kusta seperti kamu lari dari singa.”

(Riwayat Bukhari)

b. Penularan dan merebaknya penyakit berjangkit adalah dengan sebab musabab. Setiap penyakit yang berjangkit ada cara-cara tertentu, ada yang berjangkit melalui makan dan minum, ada yang melalui darah dengan suntikan, ada yang melalui hubungan jenis dan sebagainya. Terdapat hadis yang menafikan jangkitan penyakit tanpa sebab. Sabda Baginda SAW yang bermaksud;

“Tidak ada jangkitan penyakit tanpa sebab.”

(Riwayat Bukhari)

c. Dalam keadaan yang diperlukan orang yang sihat boleh bersama pesakit dengan berserah pada Allah SWT. Oleh itu sesiapa yg bertanggung jawab utk brsama pesakit yg berjangkit ini seperti pegawai dan petugas perubatan hendaklah yakin dengan Allah SWT dan meminta perlindungan kepadaNya. Jabir bin Abdullah ra telah meriwayat yang bermaksud;

“Sesungguhnya Rasulullah SAW mengambil tangan pesakit kusta (leprosy), lalu mengajaknya makan bersama dalam satu bekas. Nabi saw bersabda “Makanlah dengan nama Allah, berpegang teguh kepada Allah dan berserah padaNya.”

(Riwayat Tirmizi)

d. Pengasingan atau penjarakan sosial dalam kalangan masyarakat seperti pesakit berjangkit dari orang-orang yg sihat (isolation). Beberapa hadis Rasulullah SAW yang menunjukkan bahawa perlunya pengasingan di antara orang yang sihat dengan pesakit yang berjangkit ini. Ini untuk mengelakkan jangkitan penyakit dan penularannya ke dalam masyarakat.

“Pesakit yang berjangkit tidak boleh mendatangi orang yang sihat.”

(Riwayat Bukhari)

“Bergaullah bersama pesakit kusta dengan jarak selembing atau dua lembing.”

(Riwayat Abu Nu’aim)

e. Islam menggalakkan umatnya berusaha mengelakkan dari penyakit. Antara usahanya adalah tidak masuk ke tempat yang ada penyakit berjangkit atau wabak. Ini jelas apa yang berlaku kepada Saiyidina Umar ketika mana beliau hendak masuk ke dalam Syam. Apabila beliau mengetahui di Syam berlakunya wabak taun, dia berpatah balik dan tidak jadi masuk ke Syam. Lalu Abu Ubaidah al-Jarrah berkata:

“Adakah engkau cuba lari dari ketentuan (takdir) Allah?”

Umar menjawab:

“Alangkah baik sekiranya kata-kata ini diucapkan oleh orang lain. Ya, kami lari dari ketentuan Allah kepada ketentuan Allah.”
(Riwayat Bukhari)

Maksud kata-kata Saiyidina Umar itu ialah bukan lari daripada takdir Allah, tetapi berusaha mencari takdir yang lebih baik.

Kuarantin

Kuarantin adalah menghadkan pergerakan orang-orang yang sihat yang pernah bersama dengan pesakit yang berjangkit pada satu tempat dalam masa penyakit itu boleh berjangkit. Tujuan utamanya adalah supaya dapat mengelakkan dari penyakit berjangkit itu menular ke dalam masyarakat yg sihat. Walaupun mereka ini dilihat sihat tetapi ada kemungkinan penyakit sudah berjangkit kepada mereka dan gejala penyakit itu belum timbul kerana masa lagi diperingkat permulaan. Berkaitan dengan kuarantin ini,

Baginda Rasulullah SAW ada bersabda yang bermaksud;

“Taun adalah tanda kemurkaan Allah yang mana Allah menguji hamba-hambanya. Apabila kamu mengetahui adanya penyakit itu di sebuah tempat janganlah kamu masuk ke tempat itu. Apabila kamu berada di tempat yang ada penyakit taun (atau penyakit berjangkit lain) janganlah kamu lari keluar darinya.”

(Riwayat Muslim)

Hadis ini menjelaskan prinsip dan pendekatan sama sepertimana yang disarankan oleh World Health Organization (WHO) dalam menangani wabak penyakit berjangkit seperti pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia ketika ini.

Pandemik COVID 19 yang melanda kini menjadi suatu iktibar dan pengajaran besar kepada manusia betapa mereka terlalu kerdil dan lemah. Virus corona yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar boleh mencetus kegawatan dan kemuruduman ekonomi dunia yang sangat dimegahi oleh manusia khususnya di negara-negara maju di Barat. Kini seluruh dunia perlu memulakan kehidupan dengan norma baharu dan akan terus hidup bersama COVID-19 dalam jangka masa yang tidak dapat dipastikan. Semoga Allah SWT melindungi kita daripada musibah dan memelihara keimanan seluruh umat Islam di muka bumi ini untuk berjuang meneruskan kehidupan mengikut neraca ketetapanNya.

Rujukan:

Mausu’ah Fiqhiyyah Tibbiah oleh Dr Ahmad Kan’an.

Fathul Bari oleh Imam Ibnu Hajar



BULAN WAKAF MAIK

KOTA BHARU, 27 Jun – YBrS. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak bersama Ketua Unit Wakaf Pusat Islam UMK, Dr. Hazriah Hasan dan staf Pusat Islam UMK iaitu Ustaz Wan Mohd Amir bin Yusoff dan Ustaz Mohd Binyamin Che Yaacob telah menghadiri Majlis Pelancaran Bulan Wakaf anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di Dewan Besar Balai Islam, Kompleks Islam Darulnaim, Lundang hari ini.

Titah Perasmian serta Gimik Pelancaran Bulan Wakaf telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Temenggong Kelantan, Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam bin Tengku Abdul Aziz, selaku Yang Dipertua MAIK.

Majlis tersebut turut mengadakan Sesi Tandatanganan Perjanjian Usahasama di antara MAIK dengan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Melalui usahasama ini, MAIK telah memberi kuasa mutawalli kepada USM, UMK dan YIK bagi mengutip wakaf tunai yang kemudiannya wang tersebut akan digunakan untuk tujuan pendidikan atau kesihatan sebagaimana kuasa diberikan.





Sumbangan Wakaf Tunai berjumlah RM189,040.19 daripada pelbagai pihak dan agensi turut disampaikan kepada YIK, UMK dan USM dalam majlis itu.

Turut hadir, YABrs Timbalan Yang Dipertua MAIK, Tuan Haji Zulkifle bin Ab Rahman; YB Pegawai Kewangan Negeri Kelantan, Dato' Haji Norazman bin Abd Ghani; YB Sahibus Samahah Mufti Negeri Kelantan, Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad; YB Sahibul Fadhilah Timbalan Mufti Negeri Kelantan, Dato' Haji Nik Abdul Kadir bin Haji Mohamad; Ketua-ketua Jabatan; Ketua-ketua Jajahan; Ketua-ketua Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan serta Imam-imam Masjid Bandar.





PROGRAM KERJA TILL JANNAH PERDANA "Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam"

Oleh: Khairudin Mat Lazim

BACHOK 17 November 2022 | Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, Pejabat Pendaftar menganjurkan Program Kerja Till Jannah Perdana bertajuk 'Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam' yang disampaikan oleh Selebriti Dakwah dan Mudir Pondok Sungai Durian, Dato' Dr. Abdul Basit Abdul Rahman, di Masjid UMK Bachok. Program ceramah ini merupakan program penutup kepada program Kerja Till Jannah 2022 yang diadakan secara berkala pada tahun ini yang mengupas isu-isu pekerjaan dalam perspektif Islam.

Program telah dijalankan bermula seawal jam 8.00 pagi ialah aktiviti gotong royong memasak oleh staf Pusat Islam dan staf kontrak pembersihan Universiti Malaysia Kelantan dan telah berakhir pada jam 1.00 tengah hasri.

Seramai 100 orang peserta terdiri daripada 63 orang staf Universiti Malaysia Kelantan dan 30 orang peserta dari wakil agensi luar sekitar Universiti Malaysia Kelantan seperti staf di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bachok, Sekolah Kebangsaan Tangok, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Bachok serta wakil kariah dari Masjid Mukim Neman dan Masjid Repek.

Antara kupasan menarik oleh Dato' Dr. Abdul Basit Abdul Rahman ialah mengaitkan keberkatan mencari rezeki iaitu apabila kita diberi peluang untuk mencari rezeki hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan amanah itu dengan cemerlang mengikut Islam. Kalau tidak kena caranya kita akan rugi, benda sepatutnya dapat pahala tetapi tidak dapat pahala. Program ini telah dapat menarik minat para peserta apabila rata-rata peserta tidak melepaskan peluang dengan bertanyakan soalan kepada ahli panel dan ahli panel telah menjawabnya dengan baik. Para peserta juga memohon agar urus setia program dapat menganjurkan lagi program ini di masa akan datang.





PROGRAM HAJI MUDA 2.0

Pada 25 Mei 2022, Pusat Islam UMK telah menganjurkan program Haji Muda 2.0 bertempat di Bangunan Canselori, UMK Bachok. Program ini juga disiarkan secara langsung melalui platform rasmi Facebook Pusat Islam UMK dan Youtube Pusat Islam UMK. Program ini bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengah hari.

Pengisian program ini berkisar ibadah penyariatan haji dan pengurusan menunaikan Haji di Mekah. Program ini telah dihoskan Dr. Mohd Nazri bin Muhayiddin, pensyarah kanan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, (FKP) UMK selaku moderator pada hari tersebut. Panel jemputan pula adalah Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad dari Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI), UMK dan Tuan Haji Ashrof bin Shamsuddin, Pengarah Tabung Haji Kelantan. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan berkaitan ibadah dan pengurusan Haji kepada warga UMK. Kehadiran dianggarkan 85 orang staf UMK Bachok. Para hadirin juga tidak melepaskan peluang membuka akaun TH di kaunter yang dibuka di luar dewan.



Pihak Tabung Haji membuka kaunter bagi memudahkan para peserta membuat urusan berkaitan akaun simpanan atau ibadah haji

Celik Kewangan

PENDEKATAN KEPADA ASNAF DALAM MERANCANG DAN MENGURUSKAN KEWANGAN

Oleh : Nur Farahiah Azmi

Pandemik COVID-19 telah melanda di seluruh dunia telah menjejaskan ekonomi negara yang mana ianya mengancam kelangsungan dan kualiti hidup rakyat. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah yang menyebabkan kehilangan sumber pendapatan yang mana ianya telah meningkat kadar kemiskinan negara. Sebagai contoh, golongan peniaga kecil terutama golongan asnaf yang baru bertapak dalam perniagaan terpaksa berdepan dengan masalah aliran tunai disebabkan penutupan premis semasa pandemik dimana mereka perlu membayar sewa premis dan membayar gaji pekerja. Oleh hal demikian, institusi zakat di Malaysia telah memainkan peranan penting dalam membantu golongan asnaf yang terjejas dimana pelbagai bantuan dan sokongan terutamanya dari segi kewangan melalui pembahagian dana zakat kepada mereka yang layak.

Zakat bukanlah sesuatu yang asing bagi umat Islam. Zakat merupakan salah satu daripada lima rukun Islam. Allah (s.w.t.) telah menetapkan kepada Muslim bahawa pembayaran zakat sebagai Ibadah yang wajib. Dari sudut bahasa, zakat berasal daripada kalimah (الزكاة) (yang diambil daripada kalimah (الشيء زكا) (bermaksud berkembang dan subur.

Dari segi istilah, zakat ialah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu dan diagihkan kepada golongan tertentu berdasarkan syarat-syarat tertentu. Di Malaysia, institusi zakat terletak di bawah bidang kuasa negeri. Bagi melaksanakan pungutan zakat tersebut, kerajaan-kerajaan negeri telah mewujudkan undang-undang, peraturan serta kaedah tertentu sama ada secara langsung melalui pihak berwajib atau melalui agen yang dilantik khusus bagi tujuan pungutan dan pembahagian zakat berkenaan.

Dengan adanya bantuan dan sokongan kewangan melalui dana zakat ianya dapat meningkatkan taraf hidup, pendapatan dan seterusnya membasmi kemiskinan serta mengurangkan jurang pendapatan golongan asnaf.

Golongan asnaf juga disarankan agar tidak mudah merasa selesa dengan adanya bantuan kewangan ini malah lebih berusaha untuk memajukan diri dan meningkatkan pengetahuan terutamanya dalam bidang kewangan.

Celik kewangan dianggap sebagai salah satu faktor utama dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Disamping itu, penambahbaikan dalam celik kewangan diandaikan akan meningkatkan rangkuman kewangan dan peredaran dana, dimana ianya akan menghasilkan prestasi ekonomi yang lebih baik.

Apakah yang dimaksudkan dengan celik kewangan? Definisi celik kewangan merangkumi dari segi keupayaan seseorang untuk memperoleh pendapatan peribadi mereka, keupayaan seseorang itu untuk membuat keputusan mengenai perbelanjaan mereka, pemahaman tentang kesan keputusan peribadi terhadap pendapatan semasa dan masa hadapan dan juga termasuk orientasi di pasaran kerja. Selain daripada itu, berdasarkan Lusardi dan Mitchell (2014), mereka menyebut bahawa celik kewangan sebagai "keupayaan seseorang individu dalam memproses maklumat tentang ekonomi dan membuat keputusan yang tepat yang berkaitan dengan kewangan". Secara kesimpulannya, celik kewangan dapat dirumuskan sebagai kefahaman terhadap ilmu pengetahuan kewangan dan juga kebolehan mengaplikasi pengetahuan kewangan tersebut.

Kepentingan celik kewangan adalah sangat signifikan, sebagai contoh; melalui pengurusan kewangan dapat memberi kesan yang berkekalan terhadap kesejahteraan kewangan individu. Ini kerana keyakinan dan kemampuan mengurus kewangan adalah ciri kehidupan yang sangat diperlukan untuk mencapai dan mengekalkan kualiti hidup yang baik.

Tambahan pula, keupayaan kewangan membolehkan isi rumah berinteraksi secara bertanggungjawab dengan penyedia perkhidmatan kewangan, seterusnya menyumbang kepada ketahanan kewangan mereka.

Literasi kewangan boleh dipertingkatkan melalui program dan bengkel pengurusan kewangan. Dengan terlaksananya program celik kewangan, ianya dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pengurusan kewangan, sekaligus menyediakan seseorang dengan sikap pengurusan wang baik sebelum membuat keputusan pelaburan. Usaha seperti ini perlu dipergiatkan dan dipertingkatkan oleh institusi yang menguruskan zakat. Antara pengisian yang boleh diterapkan di dalam program dan bengkel pengurusan kewangan adalah seperti penyediaan belanjawan dan penyata kewangan, pengurusan kredit dan juga perancangan simpanan masa depan. Walau bagaimanapun, pihak berwajib perlulah menyediakan suatu perancangan pengurusan kewangan yang lebih strategik dengan memberikan penumpuan khusus terhadap penubuhan kerangka pengurusan kewangan yang relevan serta mempunyai kebolehlaksanaan pada masa hadapan. Oleh itu, penglibatan daripada pakar-pakar kewangan adalah penting bagi memastikan pembinaan kerangka ini mencapai matlamatnya; pengurusan kewangan bagi golongan asnaf. Ianya dapat meningkatkan keyakinan pemberi zakat terhadap kecakapan dan kredibiliti institusi zakat dalam menguruskan dana zakat. Sehubungan daripada itu, dapatlah dirumuskan bahawa celik kewangan untuk golongan asnaf wajar dipertingkatkan bagi menggalakkan pertubuhan ekonomi dan modal insan umat Islam.



Oleh: Ainul Kauthar Karim

KOTA BHARU, 31 Oktober - Seramai 100 mahasiswi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menghadiri seminar Profesionalisme Wanita Muda, di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, hari ini. Perasmian seminar sehari anjuran Pusat Islam UMK dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMK dan Jawatankuasa Teman UMK itu telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Dr. Nur Farahiah Binti Azmi. Seminar itu menampilkan penceramah selebriti Dakwah, Ustazah Asmah binti Husin yang membicarakan tajuk ceramah Cinta Dan Cita-Cita.

Manakala Penolong Pengarah (Khidmat Nasihat) Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, Ustazah Nasikah binti Ab Rahman menyampaikan ceramah bertajuk Mahasiswi High Class. Menurut Dr. Nur Farahiah, seminar itu adalah bertujuan memberi kan kesedaran tentang peranan wanita muda hari ini demi menjaga keharmonian, kelestarian keluarga dan ummah. Katanya, program ini juga membincangkan isu dan cabaran semasa khususnya wanita daripada pelbagai disiplin seperti sahsiah, cinta, cita-cita dan kehidupan wanita Dan juga kehidupan di kampus universiti. "Selain itu, program ini adalah platform terbaik memandu perasaan cinta wanita agar selari dengan kehendak Islam Dan cinta paling agung kepada Allah SWT. "Membina kefahaman yang benar terhadap kesejahteraan diri dan keluarga serta mendorong wanita muda meningkatkan keupayaan untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.



PROGRAM MARHABAN YA RAMADAN



Bachok, 29 Mac - Sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan, pihak Pusat Islam UMK telah menganjurkan program Marhaban Ya Ramadan di Bilik Seminar 2, Bangunan Canselori. Pada tahun ini, Pusat Islam UMK mengalu-alukan kehadiran jemputan Dr Zamri bin Rajab, Pensyarah Institut Perguruan Sultan Mizan, Kampus Besut sebagai panel jemputan untuk menyampaikan perkongsian yab bertajuk “ Ramadan Bulan Pahala dan Maghfirah”. Program bermula jam 9.30 pagi. Peserta terdiri daripada staf bangunan Pejabat Canselori UMK Bachok secara fizikal dan secara dalam talian di Facebook dan Youtube Pusat Islam UMK.


Panel menyeru kepada kita semua untuk meninggalkan perkara yang mengurangkan pahala kita seperti mengumpat, berkongsi perkara yang sia-sia, bergosip dalam sosial media. Panel juga berkongsi mengenai amalan-amalan untuk mengimarahkan bulan Ramadan seperti solat berjemaah, qiamullail, tadarus Al-Quran secara berterusan, tadabbur dan khatam al-Quran.



PROGRAM IHYA' RAMADAN



KULIAH ZOHOR RAMADAN



Pusat Islam UMK telah mengambil inisiatif menganjurkan program Kuliah Zohor sepanjang Ramadan di tiga lokasi berbeza iaitu di Masjid Universiti UMK Bachok, surau UMK Kampus Kota dan Masjid Dr Tengku Mohammad Faiz Petra. Program kuliah zohor ini bermula selepas solat zohor berjemaah. Program ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan beberapa tazkirah ringkas, peringatan serta nasihat-nasihat yang mana dapat dijadikan pedoman oleh para jemaah solat dalam menjalani ibadah puasa pada tahun ini. Kuliah disampaikan oleh selebriti dakwah iaitu Yang Berbahagia Al Fadhil Ustaz Dato' Dr. Haji Zahazan bin Mohamed di Masjid Universiti.



SOLAT TERAWIH

Pusat Islam UMK telah menganjurkan program solat tarawih secara berjemaah di sepanjang bulan Ramadan pada tahun ini dan ini merupakan hal yang amat bermakna buat Pusat Islam UMK kerana pada Ramadan yang sebelumnya, program ini tidak dapat dilakukan kerana wabak COVID-19 yang melanda diseluruh negara. Program solat TERawih ini bermula setelah selesai solat Isyak di tiga kampus utama UMK iaitu bertempat di Masjid Universiti, Surau kampus Kota dan Masjid Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Jeli. Imam yang bertugas merupakan staf Pusat Islam UMK serta imam jemputan iaitu Ustaz Muhammad Luqman Hakim dari Madrasah Al-Insaniyyah Bachok. Kehadiran jemaah adalah memberangsangkan yang terdiri dari kalangan staf, pelajar dan masyarakat setempat.



IFTAR JAMA'IE

Pusat Islam UMK telah mengadakan Majlis Iftar peringkat UMK sebagai salah satu program Ihya' Ramadan di ketiga-tiga kampus UMK bagi mengimarahkan bulan Ramadan Al Mubarak pada tahun ini 2022. Agihan makanan dilakukan bersama Majlis Perwakilan Pelajar dan Jawatankuasa Teman – Pusat Islam di Masjid UMK kampus Bachok, surau kampus Kota dan Masjid Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Jeli. Sebanyak 150 bungkus makanan telah disediakan untuk diagihkan kepada para pelajar. Program ini merupakan rutin yang dilaksanakan sepanjang Ramadan setiap tahun sebagai inisiatif untuk meringankan beban pelajar sepanjang Ramadan. Terdapat hadis dari Rasulullah SAW bermaksud: “Siapa yang memberi makan orang yang berpuasa maka baginya pahala seumpamanya tanpa sedikitpun kurang pahala orang berpuasa.” Hadis ini menjelaskan betapa besarnya pahala bagi orang yang memberi makan bagi orang yang berpuasa.

QIAMULLAIL



Program Qiamulail pada 25 April di dua lokasi berbeza iaitu di Masjid Universiti UMK Bachok dan Masjid Dr Tengku Mohammad Faiz Petra, Jeli. Program ini melibatkan warga UMK Bachok dan Jeli. Program qiamulail ini dilakukan pada jam 4:30 pagi dengan adanya zikir munajat. Imam bertugas adalah ustaz Nor Zakwan bin Che Musa, staf Pusat Islam dan di UMK Kampus Jeli adalah ustaz Haji Lokman bin Yusof, imam masjid UMK Jeli. Program ini diadakan bertujuan untuk mengajak warga UMK untuk menghidupkan suasana Ramadan di malam hari di sepuluh hari terakhir Ramadan dan untuk mengajak warga kampus bersama mencari lailatul qadar. Kehadiran dianggarkan seramai 30 orang di kedua-dua kampus. Juadah bersahur turut disediakan bagi peserta yang hadir.



KHTAM AL-QURAN

Pusat Islam UMK telah menganjurkan Majlis Khatam Al- Quran pada 26 April 2022 bertempat di dua lokasi berbeza iaitu Masjid Universiti UMK Kampus Bachok dan Masjid Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Jeli . Majlis ini bermula setelah selesai solat isyak berjemaah dan di ketuai oleh staf Pusat Islam di kedua-dua kampus. Bacaan Al-Quran dilakukan secara serentak bermula dari surah Ad-Dhuha hingga surah An-Nas dan diakhiri dengan bacaan doa khatam Al-Quran oleh Ustaz Mohd Binyamin Bin Che Yaacob. Jemaah yang menghadiri majlis ini terdiri daripada staf Pusat Islam, para pelajar UMK dan juga masyarakat setempat. Majlis ini bertujuan untuk menyemai rasa cinta terhadap Al-Quran dalam diri jemaah yang hadir serta dapat mengisi waktu 10 akhir Ramadan dengan aktiviti yang bermanfaat.



TADARUS AL-QURAN



Pusat Islam UMK telah mengambil inisiatif menganjurkan program Tadarus Al-Quran sepanjang Ramadan di dua lokasi berbeza iaitu di Masjid Universiti UMK Bachok dan Masjid Dr Tengku Mohammad Faiz Petra, Jeli. Program ini melibatkan warga UMK Bachok dan Jeli. Program tadarus ini bermula setelah selesai solat zohor berjemaah. Objektif program ini adalah untuk mengajak warga UMK untuk menghidupkan suasana Ramadan dan mendekatkan diri warga kampus dengan Al-Quran.

Pusat Islam UMK mengadakan satu Program Ceramah bersempena Hari Nuzul Quran pada 18 April 2022. Ceramah ini disampaikan oleh Yang Berbahagia Dr. Wan Hilmi Bin Wan Abdullah iaitu merupakan salah seorang tenaga pengajar di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Intipati tajuk ceramah adalah berkisarkan tentang Al-quran penawar bagi kehidupan manusia. Program ini dilangsungkan secara atas talian iaitu menggunakan platform FB RASMI Pusat Islam UMK dan juga Youtube Channel Rasmi Pusat Islam UMK. Program ini dijalankan adalah untuk mengimarahkan lagi bulan Ramadan ini dengan program-program bermanfaat buat seluruh warga UMK sekaligus orang ramai yang juga mengikuti program tersebut.




Pengkalan Chepa, 23 Jun - Pusat Islam UMK telah mengadakan satu kursus kemahiran iaitu Kursus Sembelihan bertempat di Dewan Keusahawanan UMK kampus Pengkalan Chepa. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) di bawah Bahagian Pengurusan Halal. Seramai 124 orang peserta telah mengikuti kursus ini yang terdiri daripada 56 orang pelajar UMK, 59 orang staf UMK serta 9 orang warga komuniti setempat. Program ini merupakan salah satu agenda tahunan bagi Pusat Islam dimana objektif utamanya adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan cara sembelihan yang betul mengikut syariat Islam.

Terdapat dua slot yang dijalankan dalam kursus ini. Pengisian slot pertama adalah tentang kepentingan konsep halalan toyyiban dalam makanan oleh Al Fadhil Ustaz Abdul Hafiz Bin Ahmad iaitu Penolong Pegawai Bahagian Pengurusan Halal JAHEAIK. Para peserta dapat mendengar perkongsian pengetahuan am tentang konsep halal dan dapat mengikuti sesi soal jawab dengan penceramah secara terus memandangkan kursus ini dilakukan secara fizikal. Slot kedua diteruskan dengan sesi praktikal iaitu para peserta berpeluang mempraktikkan secara terus apa yang dipelajari dalam kursus ini. Pihak JAHEAIK telah menaja seratus ekor ayam untuk para peserta membuat praktikal sembelihan dan peserta boleh membawa pulang ayam sembelihan tersebut. Kursus ini berakhir pada waktu tengahari selepas jamuan makan.



PROGRAM ISRAK MIKRAJ



Bachok, 8 Mac - Telah berlangsung program Israk Mikraj bagi tahun 2022 bagi mengingatkan kembali kepentingan dan pengajaran yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian berdasarkan peristiwa yang telah diceritakan oleh Nabi SAW kepada umatnya. Panel program kali menghuraikan berkenaan dengan kembara kerohanian dalam konteks muamalah Islam. Penceramah menyentuh tentang keburukan makan riba sebagaimana yang digambarkan dalam peristiwa Israk Mikraj. Perbincangan juga berkisar mengenai kepentingan perbankan Islam dan aplikasi keperluan harian seperti pembiayaan perumahan, jual beli emas, pajak gadai hendaklah bertepatan dengan syariah Islam.

PROGRAM KULIAH FIQH WANITA



Pusat Islam UMK meneruskan lagi slot program Kuliah Fiqh Wanita untuk tahun ini secara dalam talian. Pada kali ini, sukatan pengajian berdasarkan pengajian berkaitan Fiqh Taharah dan Fiqh Ibadah. Program ini telah dibimbing oleh pembimbing jemputan iaitu Dr. Nurul Iman Mohd Zain dan Dr. Mohd Kamil bin Ahmad dari Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan staf Universiti Malaysia Kelantan dan juga masyarakat luar bagi mengetahui isu-isu berkaitan taharah dan juga kepentingan dalam bermazhab. Program ini disiarkan secara langsung secara maya menerusi platform Zoom dan Facebook LIVE Pusat Islam UMK serta aplikasi Youtube saluran Pusat Islam UMK.

WAQAF SEBAGAI MEDIUM UNTUK MEMERANGI KETIDAKSAMAAN DAN MELANCARKAN PEMBANGUNAN EKONOMI PASCA PANDEMIK COVID-19

Pembangunan sosio-ekonomi melalui projek berasaskan Wakaf

Oleh: Hazriah Hasan

Wakaf menunjukkan amanah Islam yang berterusan, yang berfungsi sebagai medium ekonomi dan kewangan dalam sektor ketiga sistem ekonomi, selain sektor awam dan swasta. Wakaf atau Awqaf ialah wakil yang dapat memperbetulkan jurang pendapatan dalam masyarakat dan membangunkan penambahbaikan sosial melalui kemudahan pendidikan, pembiayaan penjagaan kesihatan, infrastruktur dan banyak lagi. Oleh itu, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) telah mengenakan tanggungjawab bersama di seluruh dunia untuk menegakkan 17 matlamat penting seperti tiada kemiskinan, sifar kelaparan, kesihatan dan kesejahteraan yang baik, pendidikan yang baik, dan lain-lain. Justeru, wakaf mempunyai standard untuk menentukan pembangunan dalam sistem ekonomi seraya mengekalkan kedudukan Wakaf sebagai pemangkin kewangan negara. Konsep 'kekal' dalam wakaf menampakkan keindahan sistem ini. Tiada ciri-ciri lain yang serupa boleh didapati dalam istilah derma, kedermawanan, dan pemberian sedekah lain dalam Islam.

Wakaf melambangkan kepercayaan akan sifat kedermawanan, yang melibatkan pengikatan harta selama-lamanya untuk mengelakkan aset wakaf daripada ditukar, dijual, diwarisi atau disedekahkan semula kepada sesiapa sahaja. Harta wakaf harus mematuhi peraturan syariah dalam membantu masyarakat dari segi perkhidmatan (sekolah, hospital, dan masjid), infrastruktur (jalan raya, jambatan atau kereta api), dan perkhidmatan sosial (rumah anak yatim, rumah orang tua, dan tempat perlindungan) dan banyak lain manfaat wakaf. Selain itu, wakaf mewakili instrumen kewangan; yang mengurangkan kemiskinan dan mendatangkan kemudahan kepada masyarakat. Istimewanya wakaf ini, Islam dan bukan Islam boleh menerima manfaat daripada harta wakaf.

Oleh itu, Wakaf adalah sangat global, komprehensif dan menamakan penerima manfaat yang tidak terdapat dalam Zakat; Zakat adalah satu lagi instrumen kewangan Islam yang memfokuskan kepada proses pembasmian kemiskinan. Al-Quran dengan jelas menggariskan penerima zakat, khususnya lapan asnaf atau kategori penerima. Sebaliknya, penerima Wakaf tidak ditonjolkan dalam al-Quran. Oleh itu, Wakaf mengambil kira individu yang mempunyai tujuan yang soleh, mencari keredhaan Allah SWT semata dan mereka yang mematuhi ketetapan Syariah. Secara keseluruhannya, wakaf memberi manfaat kepada masyarakat tanpa mengira kaum dan agama.

Cendekiawan ekonomi Islam meletakkan kepentingan untuk menggalakkan kesejahteraan manusia demi pembangunan awam. Dalam Islam, kerangka Maqasid Syariah memberikan tonggak perlindungan terhadap akal, maruah, iman, harta, dan keturunan manusia. Konsep kesejahteraan dalam ekonomi arus perdana ialah pemisahan antara penilaian ekonomi dan bukan ekonomi. Dalam Islam, konsep kesejahteraan mengajar kita untuk mengintegrasikan aspek keduniawian dan kerohanian dan keperibadian manusia, yang dinamakan al-Falah. Al-Falah menghuraikan tentang peranan penting dan kebersamaan dalam keuntungan dan ganjaran dunia dan akhirat.

Mekanisme kewangan berasaskan Wakaf Kontemporari

Mekanisme kewangan Islam mestilah menegakkan visi pembangunan dalam Islam untuk menyelaraskan fungsi program pembangunan Maqasid Syariah dan Wakaf. Di samping itu, adalah penting untuk memasukkan dimensi moral dan kerohanian untuk menggalakkan peningkatan kehidupan. Maqasid Syariah menjadi panduan untuk mewujudkan keperluan asas, memenuhi keperluan dan menghapuskan kemiskinan dan kekurangan. Visi ini juga telah diterokai dalam misi matlamat pembangunan berasaskan Wakaf dan pembangunan mampan. Projek berasaskan wakaf yang divisualisasikan menyediakan keterangkuman kewangan untuk segmen tertentu keperluan ekonomi masyarakat. Selain itu, wakaf juga merupakan alat untuk mengagihkan semula pendapatan dan memastikan kekayaan negara tidak akan ditadbir oleh hanya sebelah tangan.

Mekanisme kewangan Islam berasaskan Wakaf boleh ditawarkan dari segi pembiayaan mikro, pelaburan, ketersediaan infrastruktur dan faedah lain untuk golongan yang tidak berkemampuan dan yang memerlukan. Justeru, Wakaf secara rasional membetulkan ketidakseimbangan dan ketaksamaan dalam masyarakat. Wakaf menyediakan mekanisme untuk penambahbaikan ekonomi dan sosial dan seterusnya menempatkan kesaksamaan dalam negara. Kesaksamaan terwujud apabila golongan yang memerlukan diberi peluang dan ruang yang saksama untuk hidup. Contohnya, mereka mempunyai sekolah untuk dihadiri, hospital untuk dirawat dan disembuhkan, dan taman rekreasi untuk dinikmati. Oleh itu, projek berasaskan wakaf boleh memudahkan kemudahan dan infrastruktur fiskal secara amnya.


Namun begitu, mekanisme kewangan Islam berasaskan wakaf mesti dilaksanakan dengan betul untuk mendapat impak maksimum dalam masyarakat. Sekiranya kadar kemiskinan semakin meruncing dalam masyarakat, pengurus wakaf perlu menjalankan projek berasaskan wakaf yang memenuhi keperluan masyarakat secara amnya.

Sebagai contoh, pembaziran dan kemewahan adalah dilarang, terutamanya apabila golongan miskin sangat memerlukan tempat tinggal yang selamat, makanan yang bersih dan sihat, dan bekalan air. Sekiranya amalan sebenar mekanisme kewangan Islam berasaskan wakaf mengabaikan keperluan masyarakat, visi murni wakaf sudah pasti akan dinafikan. Akibatnya, jurang ekonomi tidak dapat dihapuskan. Selain itu, jurang pendapatan dalam masyarakat juga tidak akan berkurangan.

Menghidupkan semula wakaf untuk tuntutan dan keperluan sosial

Wakaf bukanlah konsep moden dalam aktiviti ekonomi Islam. Wakaf pertama kali dikenalpasti semasa zaman Rasulullah SAW apabila masjid pertama dibangunkan dalam sejarah pengisytiharan wakaf. Sehingga hari ini, sistem wakaf digunakan untuk menyelenggara Masjid Quba' di Madinah, masjid kedua terbesar di Madinah selepas Masjid Nabawi (Masjid Nabawiyy). Pada masa kini, wakaf mempamerkan peningkatan yang drastik hasil daripada perubahan keperluan dan kefahaman masyarakat. Oleh itu, Wakaf dipelbagaikan secara menyeluruh daripada aset tetap kepada wakaf tunai, wakaf sukuk, wakaf korporat, wakaf buku dan banyak lagi. Ini membuktikan bahawa tuntutan masyarakat telah berubah ekoran gaya hidup moden dan keperluan yang kian dinamik.

Islam memandang konsep penciptaan dan pengumpulan kekayaan sebagai suatu yang penting dalam kehidupan manusia. Selain itu, Islam menetapkan kekayaan individu bukan sahaja berdasarkan harta fizikal tetapi juga pada akhlak dan etika mereka yang menghasilkan kehidupan yang baik di dunia dan di akhirat. Syariah mewajibkan umat Islam untuk memelihara harta. Ini telah disebutkan secara khusus dalam Al-Quran dan Hadis. Al-Quran dan ayat-ayatnya melarang perbuatan boros, berlebihan, dan pengurusan wang yang melulu. Sebaliknya, Al-Quran mengharapka umat Islam untuk memberi makan kepada keluarga mereka dan memberi sedekah.



Oleh itu, sifat kedermawanan seseorang Muslim akan menjadi pemangkin kedamaian dan ketenangan, apatah lagi menjadi saham di akhirat kelak. Oleh itu, tuntutan sosial dan keperluan untuk memenuhi kehidupan saudara kita yang lain menerusi wakaf, hadiah, dan sedekah amatlah digalakkan.

"Lebih baik meninggalkan ahli warismu kaya daripada meninggalkan mereka miskin memintaminta kepada orang lain".

(Sahih Muslim.)



TANAH WAKAF

Era pandemik dan endemik Covid-19, kita akan menyaksikan banyak isi rumah memerlukan bantuan; yang mana kelompok yang terjejas dengan pendapatan yang berkurangan, kehilangan pekerjaan, perniagaan yang tidak dapat dijalankan dan pelbagai masalah lain. Mereka bergelut dengan kehilangan pendapatan secara kekal; maka inilah masanya sektor kedermawanan Islam menerusi wakaf harus menjalankan fungsi dalam menyediakan pembiayaan dan bantuan. Evolusi ini timbul dalam dimensi kontemporari wakaf yang mana wakaf akan terus dilihat sebagai pemangkin pembangunan ummah yang mudah dan tuntas. Sebagai contoh, wakaf korporat yang berjaya didagangkan di papan komoditi. Apatah lagi, wakaf tunai yang telah berkembang menjadi kemudahan e-Waqaf melalui sistem teknologi *crowdfunding* dan *blockchain*. Selain Wakaf tunai, saham Wakaf adalah ditawarkan lebih fleksibel dan mudah untuk sesiapa sahaja yang berminat. Kesimpulannya, mekanisme wakaf sama ada Wakaf awam ataupun korporat mampu melaksanakan aktiviti pengumpulan dana dan seterusnya mewujudkan suatu perkhidmatan sosial dalam masyarakat yang bersifat kekal dan berkat.

Penulis:

Dr Hazriah Hasan,

Ketua Unit Wakaf,

Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan

Email: hazriah.h@umk.edu.my

Tel: +6013-9386576

WACANA KEMERDEKAAN NEGARA

Sempena bulan kemerdekaan Malaysia, Pusat Islam telah mengadakan Bicara Kemerdekaan dengan tujuan bagi mengingati peristiwa kemerdekaan serta pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan Negara yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Penceramah jemputan iaitu Leftenan Kolonel Nadzri bin Munsman, PS 1 Khidmat Agama Markas Angkatan Bersama - Z 22. Program Bicara kemerdekaan bertemakan "Merdeka Minda Dan Rohani". Program telah diadakan pada 29 Ogos, hari Isnin secara dalam talian. Peserta terdiri daripada staf dan masyarakat yang mengikuti secara dalam talian. Panel menjelaskan kepada peserta maksud kemerdekaan dalam perspektif bahasa dan istilah. Demikian juga, beliau menjelaskan peranan pejuang-pejuang kemerdekaan terdiri daripada para ulama yang berusaha keras agar kemerdekaan secara mutlak dapat dicapai daripada cengkaman Inggeris pada waktu itu. Justeru, beliau menyarankan kepada anak-anak muda agar membaca dan menghayati sejarah kemerdekaan negara agar trsemat dalam sanubari setiap anak muda agar kita tidak lupa pengorbanan para pejuang kemerdekaan yang mengorbankan jiwa raga, wang ringgit dan darah demi mencapai kemerdekaan negara tercinta.



PROGRAM GEMA YASIN



Pusat Islam Universiti telah menganjurkan satu program yang dinamakan Gema Yasin yang telah diadakan serentak di Masjid UMK Bachok dan UMK Kampus Jeli. Program bacaan yasin dan ma'thurat ini dijalankan setiap hari khamis bermula jam 8.30 pagi yang dikendalikan oleh staf Pusat Islam sendiri. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyemai rasa cinta akan Al-Quran disamping menghidupkan suasana pagi sebelum mula bekerja dengan alunan bacaan Quran dan ma'thurat di kampus.

Bacaan tersebut dikumandangkan melalui alat pembesar suara masjid dan boleh didengari oleh setiap warga universiti. Program tersebut mendapat respon yang amat positif dalam kalangan warga UMK yang rata-rata menyambut baik akan usaha yang dilakukan oleh Pusat Islam dalam mewujudkan suasana yang positif pada setiap pagi.



Oren: Nor Zakwan Che Musa

BACHOK, 25 Jun - Pusat Islam UMK dengan kerjasama Jawatankuasa Teman telah mengadakan program Back to Basic: Asas Pemantapan Solat bertempat di Bilik Kuliah 2 Pusat Islam UMK Bachok. Program ini merupakan program tahunan bagi Pusat Islam UMK dan objektif utamanya adalah untuk memberi kefahaman ilmu asas dalam ibadah solat kepada para pelajar UMK. Majoriti penyertaan adalah dari kalangan pelajar yang berpusat di UMK Kampus Bachok. Terdapat juga penyertaan dari kalangan staf. Penceramah jemputan bagi program ini ialah Al Fadhil Ustaz Mohd Azizi bin Che Yaacob. Beliau merupakan seorang tenaga pengajar di SMKA Tok Bachok.

Program bermula pada jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Terdapat tiga slot yang dijalankan dalam program ini. Slot yang pertama bermula pada pukul 9.00 pagi yang membincangkan tentang asas-asas dalam ibadah solat termasuk rukun solat, wudhuk dan tatacara solat. Slot kedua bermula pada pukul 10.30 pagi dimana penceramah berkongsi tentang ilmu masbuk dan muafiq dalam solat. Seterusnya slot ketiga memfokuskan tentang perkara sunat, haram dan makruh dalam solat. Program ini tamat pada pukul 1.00 tengah hari selepas sesi bergambar antara para peserta dan penceramah.

DISKUSI INTELEK WAKAF PENDIDIKAN MAIK-UMK

Unit Wakaf Pusat Islam UMK telah menganjurkan program Diskusi Intelek Wakaf Pendidikan MAIK-UMK ; Wakaf Pendidikan & Kelestarian Institusi Pengajian Tinggi di platform Live Facebook dan Youtube Pusat Islam UMK Bachok pada 27 Julai 2022. Program bermula pada jam 9.30 pagi dan berakhir pada jam 11.30 pagi.

PROGRAM KELUARGAKU SYURGAKU



Oleh: Ainul Kauthar Karim

KOTA BHARU 19 September 2022 | Pejabat Agama Jajahan Kota Bharu dengan kerjasama Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menganjurkan Bengkel dan Forum Program Keluargaku Syurgaku untuk Penjawat Awam seluruh Kota Bharu Kelantan. Program telah dimulakan dengan slot Bengkel yang disampaikan oleh Pegawai Pejabat Agama Jajahan Kota Bharu iaitu YBrS Ustaz Mohd Fadli bin Sulaiman, di Dewan Keusahawanan UMK Kampus Kota. Seterusnya program disambung dengan forum Keluargaku Syurgaku yang dikendalikan oleh moderator Ustaz Badrulhisyam Abdul Rahman dan panelis adalah Pengarah Pusat Islam UMK iaitu YBrS Prof Madya Dr Mohd Zain bin Mubarak dan YBrS. Ustaz Suhaimi bin Abdullah, JAHEAIK.

Program ini telah dirangka khas untuk memperkasa institusi keluarga di jajahan Kota Bharu khususnya dan negeri Kelantan amnya. Berdasarkan kepada statistik kes perceraian lima tahun kebelakangan ini memberi satu signal penting kepada semua pihak bahawa institusi keluarga di Kelantan perlu dipugar kembali agar lebih segar terutama dalam kalangan pasangan muda kerana sebahagian besar kes yang menyumbang kepada perceraian di negeri ini adalah daripada golongan ini.

Oleh yang demikian, program yang berbentuk bengkel interaktif telah dihadiri seramai 100 orang peserta terdiri daripada 10 orang staf Universiti Malaysia Kelantan dan 90 orang penjawat awam di seluruh Jajahan Kota Bharu telah menghadiri program dari pagi hingga tengah hari itu.



FORUM MAULIDUR RASUL SAW

BACHOK, 14 Oktober - Pusat Islam UMK dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Mukim Neman, Bachok dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bachok telah menganjurkan Majlis Sambutan Maulidurrasul SAW . Program bermula dengan Kenduri Perdana yang diadakan selepas solat Jumaat yang telah dihadiri oleh seluruh masyarakat Kampung Neman. Pada sebelah malamnya pula, telah diadakan forum yang dikendalikan oleh Dr. Hj. Zamri bin Rajab sebagai moderator, manakala Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad dan Dr. Mohd Alwee bin Yusoff pula diundang sebagai ahli panel. Forum yang diberi tajuk 'Wahai Rasulullah SAW Panggil Daku Bersama Di Sana' tersebut telah dihadiri oleh peserta yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat setempat dan warga universiti. Dalam forum tersebut, ahli panel telah mengajak para peserta untuk merenung tentang sirah kelahiran junjungan mulia Rasulullah SAW. Ahli panel juga banyak menghuraikan tentang peranan dan tanggungjawab kita sebagai umat Rasulullah SAW dalam menyemai rasa cinta dan sayang akan Rasulullah SAW. Forum tersebut selesai pada jam 9.30 malam dan diakhiri dengan penyampaian cenderamata.



PROGRAM SISTERS CIRCLE

Pusat Islam UMK meneruskan lagi slot program Sisters Circle untuk tahun ini secara dalam talian. Pada kali ini, sukatan pengajian berdasarkan buku "Jati Diri Wanita Muslimah" yang dibimbing oleh staf wanita Pusat Islam sendiri dan jemputan dari staf wanita Pejabat lain seperti Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan UMK. Pengisian program ini bertemakan buku Jati Diri Wanita Muslimah yang bertujuan untuk memupuk kecintaan dalam kalangan staf UMK terhadap keperibadian solehah dalam diri warga UMK. Program ini disiarkan secara langsung secara maya menerusi platform Facebook LIVE Pusat Islam UMK dan juga Youtube Saluran Pusat Islam UMK.



SAMBUTAN MAAL HIJRAH

BACHOK, 11 Ogos - Sempena sambutan Maal Hijrah 1443H, Pusat Islam UMK tidak ketinggalan dalam menganjurkan satu ceramah yang bertajuk 'Hijrahku Tahun Ini' yang telah di adakan di Masjid Universiti Malaysia Kelantan Bachok. Ceramah yang bermula sesuai solat zohor tersebut telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Fadli bin Sulaiman, Pegawai Agama Jajahan Kota Bharu. Para peserta yang terdiri daripada warga universiti dilihat sangat teruja dengan pengisian yang disampaikan oleh penceramah. Pelbagai maklumat dan pengajaran yang dibawa oleh penceramah berkisar tentang kisah sirah junjungan agung Rasulullah SAW dalam usaha menyampaikan dakwah ke Madinah dan Mekah pada waktu itu. Keperitan dan kepayahan Baginda dalam menegakkan Islam harus dijadikan pedoman buat umat Islam sepanjang zaman. Penceramah juga mengaitkan tentang hijrah dalam konteks diri kita sendiri, bagaimana hijrah yang patut dilakukan dan dilaksanakan bagi setiap individu muslim pada hari ini. Program tersebut diakhiri dengan penyampaian cenderamata dan jamuan makan tengahari yang dilaksanakan secara gotong-royong oleh warga Pusat Islam.



MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KOMPUTER RIBA SUMBANGAN WIFIX SDN BHD

Seramai 10 orang pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam kalangan asnaf telah menerima Bantuan Komputer Riba yang disumbangkan oleh WIFIX SDN. BHD. Bantuan telah disampaikan oleh Encik Wan Iqbal bin Mahmud Sabri, Pengurus Wifix Sdn Bhd disaksikan oleh Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak dan Timbalan Pengarah Pusat Islam Dr Nur Farahiah binti Azmi serta semua staf Pusat Islam yang hadir.





SEMINAR PEMBANGUNAN MAHASISWA HOLISTIK DAN MESYUARAT AGUNG JAHEIS

KUALA LUMPUR, 11 Februari – Ybrs. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak bersama Timbalan Pengarah Pusat Islam UMK, Dr. Asma Lailee binti Mohd Noor telah menghadiri Seminar Pembangunan Mahasiswa Holistik dan Mesyuarat Agung Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi (JAHEIS) bertempat di Residensi UTM Kuala Lumpur bermula 10 dan 11 Februari 2022.

Perasmian seminar telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad selaku Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

Majlis tersebut turut mengadakan Mesyuarat Agung ahli-ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Pada mesyuarat kali ini, Pusat Islam UNITEN telah diberi mandat untuk menerajui kepimpinan Jawatankuasa Hal Ehwal Institusi Pengajian Tinggi bagi sesi 2022-2024. Manakala Pusat Islam UMK pula telah terpilih sekali lagi menganggotai jawatankuasa eksekutif.



CERAMAH PENGURUSAN STRESS DI TEMPAT KERJA

Bachok, 29 September – Pusat Islam Universiti dengan kerjasama Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, Pejabat Pendaftar UMK telah mengadakan satu lagi program berbentuk ilmiah iaitu Ceramah Pengurusan Stress di Tempat Kerja. Program tersebut diadakan di Bilik Kuliah Pusat Islam UMK Bachok bermula jam 9 pagi. Tuan Haji Nik Muhammad Nik Lid@Raja Talib, Mantan Ketua PPD Tanah Merah merangkap pakar motivasi telah diundang untuk menyampaikan ceramah pada hari tersebut. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada para peserta akan pentingnya pengurusan tekanan sewaktu bekerja baik menurut ilmu psikologi mahupun agama. Hal tersebut dilihat amat penting pada masa sekarang, dalam kekangan kerja dan tuntutan serta tanggungjawab untuk keluarga perlu dimainkan secara bijak oleh setiap individu demi mengelakkan tekanan-tekanan yang melampau dalam diri. Program yang berlangsung selama 2 jam tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan kakitangan UMK dan mendapat respon yang amat positif daripada peserta.



Kenali Staf

Sudut Kenali Staf pada kali ini adalah Ustaz Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz. Beliau yang lebih mesra dipanggil Ustaz Hafiz dalam kalangan warga kampus telah dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada tanggal 6 November 1989 dan merupakan anak sulung daripada 2 orang adik beradik. Ustaz Hafiz mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sultan Ibrahim 3, Sekolah Kebangsaan Sri Kiambang, dan Sekolah Kebangsaan Mekasar di daerah Pasir Mas. Kemudian mendapat pendidikan menengah di Maahad Muhammadi Pasir Mas dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Falaiah, Tumpat. Setelah tamat pendidikan di peringkat sekolah, beliau telah melanjutkan pelajaran Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah (Sains Politik) di Universiti Islam Negeri (UIN) Sumatera Utara di Medan, Indonesia. Ustaz Hafiz memulakan kerjaya di Universiti Malaysia Kelantan bermula tahun 2013 di Pusat Islam di UMK Bachok. Kemudian pada tahun 2015, beliau telah berpindah ke Pusat Islam UMK Kampus Jeli sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam sehinggalah sekarang.



Ustaz Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam

Staf Baharu @PIUMK



TIMBALAN PENGARAH PUSAT ISLAM

Dr. Nur Farahiah Azmi

Pensyarah Kanan dari Fakulti Perniagaan dan Keusahawanan UMK telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah di Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bermula 1 Oktober 2022.



KETUA UNIT WAKAF PUSAT ISLAM

Dr Hazriah Hasan

Pensyarah Kanan dari Fakulti Perniagaan dan Keusahawanan UMK telah dilantik sebagai Ketua Unit Wakaf di Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bermula 16 Mac 2022.

SELAMAT MAJU JAYA DR. ASMA LAILEE



Dr. Asma Lailee binti Mohd Noor telah menamatkan perkhidmatan sebagai Timbalan Pengarah di Pusat Islam pada 31 Mac 2022 dan diucapkan selamat maju jaya di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan UMK sebagai Ketua Jabatan Pengajian Umum.

PENERIMAAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)



PROF. MADYA DR. MOHD ZAIN BIN MUBARAK
00025A
PROFESOR MADYA



NIK MOHD IDHAM SHAH BIN NIK MOHAMED
00098B
PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM

PROF. MADYA DR. MOHD ZAIN BIN MUBARAK

Tahniah dan syabas diucapkan kepada PM Dr. Mohd Zain bin Mubarak kerana terpilih bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Jasa Bakti pada 29 Mei 2022. Beliau menerima anugerah tersebut di Dewan Tunku Canselor UMK Bachok, sekitar jam 10.00 pagi dalam satu majlis khas khusus bagi penganugerahan kepada staf yang cemerlang dalam prestasi dalam unit atau bahagian masing-masing serta telah berkhidmat genap 20 tahun penuh dalam perkhidmatan kerajaan dan badan berkanun.

USTAZ NIK MOHD IDHAM SHAH BIN NIK MOHAMED

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Ustaz Nik Mohd Idham Shah bin Nik Mohamed kerana terpilih bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada 29 Mei 2022. Beliau menerima anugerah tersebut di Dewan Tunku Canselor UMK Bachok, sekitar jam 10.00 pagi dalam satu majlis khas khusus bagi penganugerahan kepada staf yang cemerlang dalam prestasi dalam unit atau bahagian masing-masing.

PELAJAR PRAKTIKUM @PIUMK

Pusat Islam UMK telah menerima 6 orang pelajar untuk menjalani latihan praktikal di Pejabat Pusat Islam UMK Bachok pada tahun 2022. Pusat Islam UMK merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan serta komitmen yang diberikan bagi membantu gerak kerja Pusat Islam UMK.

Nafis Jufri bin Ruslan

(13 Mac 2022 sehingga 15 Julai 2022)
Sarjana Muda Pertahanan dan Keselamatan Islam
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Muhammad Faiez Hakimi bin Aumbadilah

(21 Mac 2022 - 8 Julai 2022)
Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia

Nor 'Afifah binti Che Sulaiman

(21 Mac 2022 - 8 Julai 2022) -
Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia
Universiti Sains Islam Malaysia

Aqid Muhaimin bin Mohammad

(25 Julai 2022 - 9 Oktober 2022)
Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Muhammad Shahrul Nizam bin Zulkepli

(25 Julai 2022 - 9 Oktober 2022)
Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Nurul Aisyah binti Ramli

(18 Julai 2022 - 9 Oktober 2022)
Sarjana Muda Pengajian Islam dan Sains
Universiti Malaya

ZIARAH PRIHATIN PELAJAR UMK

Pada 29 September 2022, YBrs. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak bersama Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Ybhg. Profesor Dr. Mohammad bin Ismail telah melawat pelajar UMK yang tular media sosial di Pasir Mas, Kelantan. Sumbangan telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMK disaksikan Pengarah Pusat Islam dan ibu bapa pelajar tersebut.



ZIARAH KEMATIAN PELAJAR UMK

Pada 14 April 2022, YBrs. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Mohd Zain Mubarak telah melawat keluarga kepada pelajar UMK Kampus Jeli yang telah meninggal dunia iaitu Tuan Nurul Atikah di Jeli, Kelantan.

Sumbangan khas telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Islam kepada bapa pelajar tersebut dan disaksikan oleh Ustaz Muhd Khalid el-Muhammady, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan di Hospital Jeli.



PROGRAM ZIARAH MAHABBAH ASNAF NEGERI JOHOR

JOHOR BAHRU, 25 Februari - Program Ziarah Mahabbah sempena Program Kementerian Pengajian Tinggi Prihatin Keluarga Malaysia@Johor anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Program (KPT) yang diadakan di seluruh Negeri Johor tersebut melibatkan semua universiti awam. Bagi menyemarakkan lagi program tersebut, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah merancang beberapa program antaranya ialah penyampaian bantuan kepada pelajar asnaf/B40 UMK di sekitar negeri Johor.

Pusat Islam UMK dalam Program Ziarah Mahabbah tersebut telah menziarahi dan menyantuni pelajar asnaf/B40 yang berada di sekitar Segamat, Labis dan Pagoh, Johor bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar bagi menyampaikan bantuan kepada para pelajar berkenaan.



Dalam sesi ziarah ini, Mohd Binyamin bin Che Yaacob dan Muhammad Husni bin Kamaruddin daripada Unit Zakat, Kebajikan dan Keusahawanan Pusat Islam UMK telah menyampaikan bantuan zakat sebanyak RM2,500 kepada lima orang pelajar asnaf/B40 UMK. Sementara itu Puan Siti Norhidayah binti Mat Hussin, Ketua Seksyen Tatatertib dan Kebajikan Pelajar mewakili Pejabat HEPA pula menyampaikan bantuan komputer riba kepada lima orang pelajar asnaf/B40 UMK sekitar daerah terlibat.

Ziarah Mahabbah tersebut turut dihadiri oleh YBrs. Ts. Dr. Sharizal Bin Ahmad Sobri, Pengarah Pusat Jaringan Industri Universiti dan Encik Mohammad Nizamuddin Bin Abdul Rahim, Pensyarah Kanan UMK bersama-sama memberi kata-kata semangat kepada pelajar terbabit supaya lebih bermotivasi dalam menghadapi kesukaran belajar secara hibrid dalam tempoh pandemik Covid-19 ini.

Dalam sesi yang lain Pusat Islam juga telah memberi bantuan zakat sebanyak RM10,000 kepada 20 pelajar seluruh Negeri Johor dalam beberapa siri bantuan yang lain. Bantuan tersebut diharapkan dapat meringankan beban kewangan pelajar UMK terlibat membuat persediaan menghadapi semester akan datang tidak lama lagi. Pusat Islam akan meneruskan program-program sebegini pada masa akan datang memandangkan keperluan semasa pelajar yang mendesak bagi tujuan pembelajaran terutama pelajar kategori asnaf/B40.

WARGA UMK BERBUKA PUASA BERSAMA PEMIMPIN MASYARAKAT

6 APRIL 2022 (RABU)
DEWAN KEUSAHAWANAN, UMK KAMPUS KOTA



KOTA BHARU 6 April - Lebih 1,000 warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) hadir memeriahkan Majlis Iftar Bersama Pelajar dan Pemimpin Masyarakat di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, hari ini.

Majlis berbuka puasa yang julung kali itu dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMK, Tan Sri Hj. Mohammad Fatmi Hj. Salleh dan pengurusan kanan universiti.

Turut hadir, Pengerusi Felcra Berhad, Datuk Hj. Ahmad Jazlan Yaakub, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Datuk Hj. Zaluzi Sulaiman, Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah dan Pendaftar UMK, Pn. Mazula Sabuddin.

Pada majlis itu, Tan Sri Hj. Mohammad Fatmi, turut menyampaikan sumbangan bantuan komputer riba (tablet) berjumlah RM15,000 kepada 10 pelajar asnaf. Beliau turut menyerahkan Bantuan Saraan Pengajian Sempena Ramadhan berjumlah RM2,200 kepada 11 orang penerima.

Turut menerima bantuan ialah 10 pelajar asnaf yang terlibat banjir dan kategori pelajar luar kampus. Masing-masing menerima wang tunai dan bantuan Bakul Ramadhan.



PIUMK @MEDIA

Rencana



Kurangkan media sosial di bulan Ramadan

Apakah boleh batal puasa jika di bulan Ramadan apabila terlalu banyak masa dihabiskan melayari media sosial untuk menemuge waifu berbunga puasa?

Insya Allah. Boleh.

Tidak batal puasa tidak di siang hari

Apakah tidak batal puasa siang hari di bulan Ramadan jika tidak sekuat atau tidak?

Alhamdulillah. Boleh.

Ustaz Fauwaz Fadzil Jawab menjawab pertanyaan pembaca mengenai puasa ketika sedang berpuasa.

Nasihat suami tak puasa

Ustaz, bagaimana untuk menasihati suami yang tidak berpuasa? Alasan suami ada penyakit gastrik walhal beliau itu dia tidak boleh pun puasa setiap hari.

Alhamdulillah. Boleh.

Insya Allah. Boleh.

Orang ramai boleh mengemukakan soalan kepada Ustaz Fauwaz Fadzil dengan mengemal email kepada ustazfauwaz@piumk.com.my

JEJAK ULAMA
Merebut pahala berganda Ramadan

Oleh TORIK SULONG

- AMADAN yang bermula sejak 15 Ramadan...
• Ustaz al-Imam al-Hafidh...
• Ustaz al-Imam al-Hafidh...
• Ustaz al-Imam al-Hafidh...

Alhamdulillah. Boleh.
Insya Allah. Boleh.



Rencana



Amalkan kejujuran dalam kehidupan

Apakah boleh batal puasa jika di bulan Ramadan apabila terlalu banyak masa dihabiskan melayari media sosial untuk menemuge waifu berbunga puasa?

Insya Allah. Boleh.

Tidak batal puasa tidak di siang hari

Apakah tidak batal puasa siang hari di bulan Ramadan jika tidak sekuat atau tidak?

Alhamdulillah. Boleh.

Ustaz Fauwaz Fadzil Jawab menjawab pertanyaan pembaca mengenai puasa ketika sedang berpuasa.

Nasihat suami tak puasa

Ustaz, bagaimana untuk menasihati suami yang tidak berpuasa? Alasan suami ada penyakit gastrik walhal beliau itu dia tidak boleh pun puasa setiap hari.

Alhamdulillah. Boleh.

Orang ramai boleh mengemukakan soalan kepada Ustaz Fauwaz Fadzil dengan mengemal email kepada ustazfauwaz@piumk.com.my

JEJAK ULAMA
Amalkan kejujuran dalam kehidupan

Oleh TORIK SULONG

Jujur atau 'baldu' merupakan salah satu sifat mulia yang Allah tempai yang perlu seiring dengan jujur, baik dan adil. Kejujuran adalah ungkapan keimanan dan keimanan itu dalam kehidupan manusia.

Insya Allah. Boleh.
Insya Allah. Boleh.

Sah solat tanpa Qunut

Apakah sah solat tanpa Qunut dan tidak membaca ayat Qunut dalam solat?

Alhamdulillah. Boleh.

Bergaul dengan orang soleh

Apakah sah bergaul dengan orang soleh yang tidak berpuasa?

Alhamdulillah. Boleh.

NEWS@UMK
MISI BANTUAN BANJIR PANTAI TIMUR 2022
Sinergi Pusat Islam UTM-USM-UMK
10 Mac 2022 (Khamis)
Logos of UTM, USM, UMK, and various partner organizations.

BERITA STAF



Muhammad Uwais al-Qarni

KELAHIRAN CAHAYAMATA USTAZAH NORMA

Pada 24 Februari 2022 bersamaan 22 Rejab 1443H, Ustazah Norma Abdullah, Pembantu Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UMK Bachok telah selamat melahirkan seorang bayi lelaki di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan dan diberi nama Muhammad Uwais al-Qarni bin Mohd Afiq. Pusat Islam UMK mengucapkan tahniah kepada Ustazah Norma dan keluarga di atas kelahiran cahaya mata tersebut dan semoga kehadiran cahaya mata baharu ini akan melimpahkan rezeki, kebahagiaan dan keberkatan kepada beliau dan pasangan oleh Allah S.W.T.

KELAHIRAN CAHAYAMATA USTAZAH AINUL

Pada 3 Jun 2022 bersamaan 4 Zulkaedah 1442H, Ustazah Ainul Kauthar binti Karim, Pegawai Tadbir (Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UMK Bachok telah selamat melahirkan seorang bayi perempuan pada jam 8.38 malam di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu Kelantan. Bayi seberat 3.4kg itu diberi nama Nik Nusaibah binti Nik Hafzan tersebut merupakan anak yang ke-4 bagi Ustazah Ainul dan pasangannya. Pusat Islam UMK mengucapkan tahniah kepada Ustazah Ainul Kauthar dan keluarga di atas kelahiran cahaya mata tersebut dan semoga kehadiran cahaya mata baharu ini akan melimpahkan rezeki, kebahagiaan dan keberkatan kepada beliau dan pasangan serta sentiasa dimurahkan rezeki dan diberkati oleh Allah S.W.T.



Nik Nusaibah

KELAHIRAN CAHAYAMATA USTAZ ZAKWAN

Pada 18 Ogos 2022, isteri kepada Ustaz Nor Zakwan Che Musa, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam UMK Bachok telah selamat melahirkan seorang bayi perempuan di Hospital Universiti Sains Malaysia. Bayi yang diberi nama Nor Hanisah binti Nor Zakwan tersebut merupakan anak yang ke-4 bagi Ustaz dan pasangannya. Pusat Islam UMK mengucapkan tahniah kepada Ustaz Zakwan dan keluarga di atas kelahiran cahaya mata tersebut dan semoga kehadiran cahaya mata baharu ini akan melimpahkan rezeki, kebahagiaan dan keberkatan kepada beliau dan pasangan serta sentiasa dimurahkan rezeki dan diberkati oleh Allah S.W.T.



Nor Hanisah

KELAHIRAN CAHAYAMATA USTAZ KHALID

Pada 17 Disember 2022, isteri Ustaz Muhd Khalid el-Muhammady, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan Pusat Islam UMK Kampus Jeli telah selamat melahirkan seorang bayi perempuan di Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan dan diberi nama Marwa el-Muhammady binti Muhd Khalid el-Muhammady. Pusat Islam UMK mengucapkan tahniah kepada Ustaz Khalid dan keluarga di atas kelahiran cahaya mata tersebut dan semoga kehadiran cahaya mata baharu ini akan melimpahkan rezeki, kebahagiaan dan keberkatan kepada beliau dan pasangan serta sentiasa dimurahkan rezeki dan diberkati oleh Allah S.W.T.



Marwa



PUSAT ISLAM UMK



OfficialUMK
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust

Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama

#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream